



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

**LANGKAH-LANGKAH INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI DALAM MEMBANTU SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN
TERKESAN DARI COVID-19**

Tarikh: 12hb. Ogos 2021

1. Sebagaimana yang sudah kitani sedia maklum, merujuk langkah-langkah *interim* yang telah diumumkan pada tahun lepas pada bulan Mac 2020 untuk mendukung beberapa sektor swasta tertentu dalam menangani cabaran-cabaran hasil dari menularnya COVID-19 di negara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan titah perkenan bagi pengemaskinian langkah-langkah interim seperti berikut:
2. **Langkah-langkah interim yang mula berkuatkuasa pada 1hb. Ogos 2021 dan akan berjalan sehingga 31hb. Disember 2021;**
3. **PERTAMA; Penangguhan Pembayaran (atau deferment) ke atas Caruman TAP (5%) dan SCP (3.5%) bagi Pekerja-Pekerja Tempatan yang berpendapatan \$1,500 sebulan dan ke bawah di sektor-sektor yang terjejas di dalam kategori Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) iaitu dengan jumlah pekerja yang tidak melebihi daripada 100 orang sehingga 31hb. Disember 2021.**



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Caruman oleh syarikat-syarikat akan dibayar terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bayaran dividen tahunan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta tidak akan terjejas.

Dalam pada itu, syarikat-syarikat terjejas adalah disarankan untuk menghadapkan permohonan kepada Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui email payments@tap.com.bn bagi mendapatkan kemudahan yang dimaksudkan.

4. Syarikat-syarikat yang telah dibenarkan untuk membuat penangguhan pembayaran TAP dan SCP adalah dikehendaki membayar balik kepada pihak Kerajaan dalam masa satu tahun selepas tempoh kemudahan ini berakhir.
5. **KEDUA; Memberikan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di PMKS** yang mempunyai pekerja yang tidak melebihi daripada 100 orang dari 1hb. Ogos sehingga 31hb. Disember 2021.
6. Pemberian subsidi ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban kepada PMKS khususnya kepada pekerja-pekerja tempatan yang menerima gaji pokok sebulan \$1,500 dan kebawah; dan mencarum dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP). Selaras dengan objektif kerajaan untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan ini, dipohonkan kerjasama kepada syarikat-syarikat untuk menghadapkan borang permohonan yang telah lengkap diisikan melalui



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

email kepada [payments@tap.com.bn](mailto:payouts@tap.com.bn). Borang tersebut boleh dimuat turun melalui laman web www.tap.com.bn.

7. **KETIGA; Kerajaan akan Membayai Caruman SCP kepada Golongan yang Bekerja Sendiri dalam tempoh yang dinyatakan tadi.** Langkah ini adalah untuk membantu mereka yang bekerja sendiri yang terkesan dari wabak ini bagi memastikan mereka akan mempunyai perlindungan *Survivorship Fund* yang berterusan.
8. **KEEMPAT; Memberikan sekurang-kurangnya 30% diskaun keatas kadar sewa bangunan kerajaan kepada PMKS mengikut perusahaan yang terjejas.** Ini adalah untuk membantu mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha yang dimaksudkan.
9. **KELIMA; Memberikan *tax discount* sebanyak 50% keatas cukai pendapatan korporat bagi tahun taksiran 2022 kepada sektor yang terjejas.** Ini adalah untuk membantu para peniaga yang sedang mengalami penurunan pendapatan semasa menularnya wabak ini. Dalam pada itu, untuk mendapatkan kemudahan ini, syarikat-syarikat adalah dikehendaki membuat *filings* mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

- 10. KEENAM; Memberikan 20% diskaun untuk bil-bil air dan elektrik keatas syarikat-syarikat yang terjejas.**
- 11. KETUJUH; Pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais bagi produk-produk *Personal Hygiene* (kebersihan diri) sehingga 31hb. Disember 2021.**
12. Untuk makluman orang ramai, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik akan sentiasa membuat pemantauan harga barang seperti ayam, daging, telur dan barang keperluan lain seperti sanitiser tangan dan Surgical Face Mask sebagaimana yang terkandung di dalam *Consumer Protection Order (2011)* dan *Price Control Act (Chapter 142)*.
13. Dalam mendukung pemberian pendidikan secara virtual dan Work from Home (WFH), Syarikat Unified National Networks Sdn Bhd (UNN) dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi telah menyediakan pakej-pakej yang berpatutan.
14. Akhir sekali, berikutan dengan tindakan interim yang dilaksanakan oleh Kerajaan, saya menyeru dan menyarankan kepada syarikat-syarikat untuk tidak memberhentikan pekerja khususnya anak-anak tempatan.
15. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi pihak Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (Brunei



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Association of Banks), sukacita memaklumkan bahawa langkah-langkah yang telah diumumkan tahun lepas adalah masih diteruskan sehingga 31hb. Disember 2021. Langkah-langkah yang dimaksudkan adalah dalam bentuk penangguhan pembayaran pokok pinjaman atau pembiayaan dan pengecualian bayaran dan caj.

Untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah berkenaan, orang ramai bolehlah menghubungi bank masing-masing, atau menghubungi BDCB di talian 8318388 atau melalui emel info@bdcb.gov.bn.

16. Dalam hubungan ini, pihak Kerajaan masih menyediakan berbagai perkhidmatan untuk membantu Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan agensi-agensi berkenaan seperti Buy Local Produce Campaign, penyediaan E-commerce platforms daripada Darussalam Enterprise (DARe), Inisiatif pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning) khususnya latihan-latihan *upskilling* dan *reskilling* dari *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*; Community for Brunei dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan sebagainya. Selain daripada itu, pelanjutan Tempoh Kontrak Perantis iReady disambung sehingga 31hb. Disember 2021.